

15 OCT 2001

AS-PERDAGANGAN

PERDAGANGAN AS-M'SIA TIDAK TERJEJAS, KATA ZOELLICK

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Wakil Perdagangan AS Robert B. Zoellick berkata, perkembangan semasa selepas serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat 11 September lalu tidak akan menjejaskan perdagangan dua hala antara Malaysia dan AS.

Ini adalah berdasarkan hakikat bahawa hubungan perdagangan di antara kedua-dua negara sentiasa baik, katanya pada persidangan media di sini, hari ini.

Katanya, Malaysia adalah rakan perdagangan penting dan AS merupakan pasaran eksport terbesar Malaysia serta pelabur asing terbesar bagi Malaysia dengan dagangan berjumlah kira-kira AS\$38 bilion (RM144.4 bilion).

"Bagi kami, Malaysia adalah satu contoh ekonomi yang amat global, dengan dagangan Malaysia melebihi 200 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK), ini adalah tanda sebuah ekonomi begitu sepadu dalam sistem global," tambahnya.

Zoellick, seorang anggota Kabinet Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush yang bertaraf duta, bertindak sebagai ketua penasihat dasar perdagangan presiden dan ketua perunding perdagangan.

Pada 11 September lalu, dua buah kapal terbang yang sarat dengan penumpang dan bahan api telah merempuh menara kembar Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan mengorbankan lebih 5,000 nyawa, manakala sebuah lagi terhempas di Pentagon, ibu pejabat pertahanan AS. Pesawat-pesawat tersebut dikatakan telah dirampas oleh pengganas-pengganas sebelum serangan itu.

Kerajaan AS menuduh Osama bin Laden bertanggungjawab terhadap serangan-serangan tersebut dan pada masa ini melancarkan serangan balas ke atas kerajaan Afghanistan di bawah pemerintahan Taliban yang disyaki melindungi jutawan Saudi itu.

Ditanya sama ada perdagangan antara Malaysia dan AS boleh terjejas disebabkan oleh pandangan berbeza Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di mana beliau mengutuk serangan pengganas 11 September lalu, tetapi pada masa yang sama mengkritik kempen ketenteraan AS terhadap Afghanistan, Zoellick berkata:

"Saya rasa perdagangan kita berdasarkan hubungan yang baik. Kita (AS-Malaysia) merupakan rakan yang baik dari segi pelaburan dan perdagangan, jadi saya tidak fikir itu (perbezaan pendapat) akan menjejaskan (perdagangan) di mana-mana," katanya.

"Kami memahami bahawa kerajaan Malaysia menghadapi ketegangan di sini dengan cabaran-cabaran dalaman, memang tidak diragui bila kita membaca suratkhbar tentang masalah-masalah yang perlu beliau uruskan. Sokongan yang telah kami terima dalam beberapa perkara telah memperkukuhkan hubungan dengan Malaysia," katanya.

Beliau menambah kata bahawa beliau telah memberitahu Dr Mahathir dalam pertemuan mereka pagi tadi bahawa Malaysia adalah (negara) contoh yang menyokong kestabilan serantau, baik dari segi politik mahupun ekonomi.

"Malaysia sememangnya sebuah negara Islam, yang menjadi contoh kepimpinan disebabkan oleh pembangunan ekonomi modennya yang memperlihatkan kuasa, rakyat berbilang kaum, rangkaian produk dalam ekonomi antarabangsa dan menggalakkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Ia merupakan sebuah kisah kejayaan," katanya.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan AS berterima kasih di atas sokongan Dr Mahathir dan kerajaan Malaysia, dan bagi perbezaan pendapat itu, beliau percaya kedua-dua kerajaan akan sama-sama menyelesaikan isu tersebut.

"Kami tahu dan saya memang tahu bahawa ia merupakan kedudukan yang sukar bagi Malaysia pada masa ini. Kami menyanjung tinggi semua sokongan yang telah kami terima," tambah beliau.

Bagi Forum tahunan Apec yang akan diadakan di Shanghai minggu ini, katanya antara lain, AS menjangka isu-isu berkaitan dengan kemasukan Taiwan dan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), dan pelancaran pusingan perdagangan baru pada mesyuarat peringkat menteri WTO di Doha, Qatar bulan depan akan diberi tumpuan.

Beliau juga menjangka perkara-perkara berhubung dengan ketelusan dan kemudahan perdagangan selain isu pengganas akan juga dibincangkan.

Zoellick juga berkata bahawa beliau tidak nampak sebarang sebab mesyuarat di Doha perlu ditangguhkan.

Malah, semasa mesyuarat menteri-menteri perdagangan di Singapura pada hujung minggu, mereka semua telah bersetuju bahawa mesyuarat yang dijadualkan di Doha itu harus diteruskan, katanya.

"Saya tidak tahu ada sesiapa mencadangkan supaya mesyuarat di Doha itu ditangguhkan, malah sebaliknya kami percaya ia patut diteruskan," katanya.

Beliau menambah kata bahawa pelancaran pusingan baru perdagangan dunia boleh membantu menangani isu-isu antarabangsa, kebanyakannya berhubung dengan kelembapan ekonomi dunia, dan membantu mengembalikan keyakinan terhadap sistem antarabangsa.

Terdahulu, Zoellick mengunjungi Dr Mahathir dan menyampaikan penghargaan President Bush kepada beliau kerana surat yang dihantar kepadanya oleh Perdana Menteri minggu lalu berhubung dengan cadangan-cadangan beliau dalam usaha menentang pengganas.

Beliau berkata bahawa Presiden Bush berhasrat menemui Dr Mahathir untuk membincangkan isu tersebut dengan lebih lanjut pada Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai nanti.

Zoellick juga menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, hari ini. -- BERNAMA

WNZ FR KY NHD